

Headline	Prospek pembangunan masa depan di wilayah SCORE		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	17 Nov 2011	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	8	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	442 cm ²
Journalist	AINI SELIKANG	AdValue	RM 1,649
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,948



Prospek pembangunan masa depan di wilayah SCORE

AINI SELIKANG

TANJUNG MANIS, Rabu – Program Integrasi Nasional anjuran Universiti Teknologi Mara (UiTM) disifatkan sebagai peluang terbesar pelajar untuk melihat sendiri prospek pembangunan masa depan daerah itu, sebagai wilayah Koridor Tenaga Boleh diPerbaharui Sarawak (SCORE) dan Hab Halal Sarawak.

Peserta berkata, program kali ini agak unik kerana bukan sahaja mendedahkan kebudayaan setempat tetapi juga memberi peluang kepada mereka melihat sendiri pembangunan Tanjung Manis yang bakal bergelar sebagai salah satu daripada kawasan termaju di Sarawak itu.

Pelajar UniRazak, Francis Jayil Ambit berkata, program tersebut menjadi landasan kepada mereka untuk melihat sendiri peluang ekonomi yang wujud di Tanjung Manis pada masa depan.

“Program ini amat membantu kami dan harus diperkembang dan diteruskan dari semasa ke semasa demi faedah semua pihak,” katanya kepada Utusan Sarawak di sini, semalam.

Mohd Benfadzlyn Mohd Benjamin, berkata, melalui program

seumpama itu, kerajaan dapat meningkatkan ekonomi melalui aktiviti perniagaan bermula daripada kecil-kecilan hingga kepada sektor yang berskala besar.

Malah katanya, program penempatan pelajar itu memberi makna tersendiri kepada warga Tanjung Manis dan Belawai.

“Dalam pada itu, kita boleh melihat potensi sektor berkaitan. Bagaimana pun, bagi saya pembangunan masa depan daerah ini memerlukan sokongan daripada agensi tertentu selain kerjasama padu rakyat Tanjung Manis dan Belawai sendiri,” katanya.

Muhammad Abu Hashim, dari UiTM Kelantan berpendapat, masyarakat perlu berfikir rasional dan menghayati sejarah negara supaya tidak terpengaruh dengan usaha pihak tertentu demi menjaga perpaduan dan keharmonian yang dicapai sekarang.

“Jangan rosakkan perpaduan yang terjalin sekarang tetapi sebaliknya menjadi golongan barisan hadapan untuk mempertahankan kemakmuran negara daripada diganggu-gugat.

Muhammad Abd Hakim Abu Bakar, dari UiTM Negeri Sembilan berkata, golongan belia merupakan aset berharga negara kerana mereka yang akan mewarisi kepimpinan negara pada masa depan.

Katanya, program yang dianjurkan itu merupakan salah satu cara menyemai kesedaran dan penghayatan kepada golongan belia bagi mencapai misi nasional menuju negara maju selaras dengan transformasi negara.

Beliau melahirkan perasaan bangga kerana berpeluang mengikuti program yang menjadi medium bagi peserta untuk mengeratkan silaturahim.

“Program ini dapat membentuk jati diri bagi memiliki keperibadian unggul sebagai seorang pelajar berwawasan,” ujarnya.

Sementara Marlini Mustaffa, Pelajar UiTM Arau Perlis, berkata, menerusi program itu mereka diberi pendedahan mengenai cara meningkatkan imej golongan pelajar dalam mencapai kejayaan dan kecemerlangan supaya sentiasa dihormati masyarakat.

“Saya berasa amat bertuah kerana dapat melihat sendiri Tanjung Manis dan Belawai dari dekat. Sebelum ini, kami hanya mengetahuinya dari internet,” katanya.

Headline	Prospek pembangunan masa depan di wilayah SCORE		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	17 Nov 2011	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	8	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	442 cm ²
Journalist	AINI SELIKANG	AdValue	RM 1,649
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,948



FRANCIS JAYIL AMBIT



MOHD BENFADZLYN



MUHAMMAD ABU HASHIM



MUHAMMAD ABDUL HAKIM



MARLINI MUSTAFFA